



**JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA**  
**DEPARTMENT OF MINERAL AND GEOSCIENCE MALAYSIA**

Ibu Pejabat, Aras 9, Menara PjH  
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2  
62100 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03-8871 6000  
Faks : 03-8871 6145  
E-mel : [jmgkl@jmg.gov.my](mailto:jmgkl@jmg.gov.my)  
Laman Web : <http://www.jmg.gov.my>

Ruj. Tuan:  
Ruj.Kami: JMG.KLL(PN)08/30/  
Tarikh: 11 Ogos 2020

Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Teknikal  
Pengarah Kanan Pusat Penyelidikan Mineral  
Semua Pengarah Cawangan Ibu Pejabat  
Semua Pengarah JMG Negeri

YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN DAN EDARAN SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH  
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

Dengan hormatnya, saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah JMG telah mengeluarkan satu surat pekeliling bagi menetapkan dan menyelaraskan harga jualan bagi bahan penerbitan jabatan dalam format salinan cetak dan juga salinan digital.
3. Sehubungan dengan itu, bersama ini diedarkan **Surat Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2020 - Penetapan Dan Penyelarasan Kadar Caj Bagi Jualan Bahan Penerbitan Jabatan Dalam Bentuk Salinan Cetak (Hardcopy) Dan Salinan Digital (Softcopy)** untuk perhatian YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan.
4. Kerjasama YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk menyampaikan surat pekeliling ini kepada pegawai-pegawai yang menguruskan jualan bahan penerbitan di bawah jagaan YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan. Segala kerjasama YBhg. Dato'/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,

**(SITI AMINAH BT ABDUL SARIF)**

Pengarah Cawangan Pengurusan Maklumat  
b.p. Ketua Pengarah Mineral dan Geosains Malaysia



## JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA

---

### SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH BILANGAN 1 TAHUN 2020

---

#### **PENETAPAN DAN PENYELARASAN KADAR CAJ BAGI JUALAN BAHAN PENERBITAN JABATAN DALAM BENTUK SALINAN CETAK (*HARDCOPY*) DAN SALINAN DIGITAL (*SOFTCOPY*)**

#### **TUJUAN**

Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang penetapan dan penyelarasan kadar caj bagi jualan bahan penerbitan jabatan dalam bentuk salinan cetak dan juga salinan digital dalam format pdf, jpeg atau yang setara dengannya.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Jabatan telah mengguna pakai caj seperti yang termaktub dalam Peraturan-Peraturan Penyiasatan Kajibumi (Bayaran) 1997 [P.U.(A) 328] bagi penjualan bahan penerbitan jabatan yang merangkumi laporan serta peta dalam bentuk salinan cetak kepada pelanggan jabatan sebagaimana butiran (D) dalam Jadual 2 Peraturan tersebut.

3. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekeliruan tafsiran serta caj yang tidak seragam dikenakan oleh pihak jabatan bagi butiran (D)(1)(b) – Laporan Peta dan butiran (D)(2) – Peta Tematik. Untuk menangani isu tersebut, surat pekeliling ini menyediakan suatu ringkasan penetapan harga yang perlu dipatuhi oleh semua pejabat JMG yang terlibat dalam penjualan bahan penerbitan jabatan.

## PELAKSANAAN

### 4. Penerangan Tafsiran

Tafsiran bahan penerbitan jabatan perlu difahami dan diselaraskan agar tiada lagi kekeliruan dan keraguan dalam penetapan harga terutama untuk peta teknikal jabatan. Berikut disenaraikan tafsiran serta maksud yang diguna pakai **khusus bagi melaksanakan Surat Pekeliling** ini di semua pejabat JMG.

- (i) **Peta tematik** – merujuk kepada peta-peta **selain daripada peta teknikal**, yang ringkas dan mengandungi satu jenis maklumat geosains atau mineral sahaja.

Contoh peta tematik: Peta Taburan Telaga, Peta Taburan Unsur Emas (Au), Peta Kecerunan Cerun, dan sebagainya.

- (ii) **Peta teknikal** - merujuk kepada peta yang terdiri daripada beberapa lapisan peta tematik yang dirangkum menjadi sebuah peta yang padat dengan maklumat geografi dan teknikal seperti geosains atau mineral.

Contoh peta teknikal: Peta Geologi, Peta Hidrogeologi, Peta Sumber Mineral, dan sebagainya.

- (iii) **Laporan Peta** – merujuk kepada (a) laporan serta peta; ATAU (b) peta teknikal sahaja yang mengandungi maklumat teknikal yang lengkap dan padat dalam sesuatu bidang tertentu.

Contoh (a) Laporan serta peta : Geologi dan Sumber Mineral Kawasan Muar dan Batu Pahat Johor; Geologi dan Sumber Mineral Kawasan Ulu Muda Kedah, dan sebagainya.

Contoh (b) Peta teknikal: Peta Geologi Semenanjung Malaysia, Peta Hidrogeologi Negeri Sarawak, Peta Sumber Mineral Negeri Terengganu, Peta Bahaya Seismik Sabah, dan sebagainya.

5. Penyelarasan maksud salinan digital (softcopy)

Salinan digital bermaksud salinan laporan atau peta terbitan JMG dalam format pdf, jpeg atau yang setara dengannya. **Semua salinan digital tersebut dijual pada harga yang sama dengan salinan cetaknya.**

6. Penetapan Harga

Ringkasan harga jualan bagi bahan penerbitan jabatan adalah seperti disenaraikan dalam **Jadual 1** dan perlu dipatuhi oleh semua pejabat JMG. Walau bagaimanapun surat pekeliling ini tidak tertakluk kepada **peta dan laporan yang telah sedia ada dicetak dengan tanda harga.**

Jadual 1 : Harga Jualan Bagi Penerbitan Jabatan

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HARGA JUALAN (RM/NASKHAH)</b>
1.	Laporan Peta ECER Pakej 1 (1 Laporan & 72 peta berskala 1:250K)	10,000.00
2.	Laporan Peta ECER Pakej 2 (1 Laporan & 384 peta berskala 1:100K)	15,000.00
3.	Laporan Peta ECER Pakej 3 (1 Laporan, 72 peta berskala 1:250K & 384 peta berskala 1:100K)	20,000.00
4.	Laporan Interpretasi ECER	4000.00
5.	Atlas ECER (saiz A1, 24 peta berskala 1 : 800K)	2,400.00
6.	Atlas ECER (saiz A3, 24 peta berskala 1: 800K)	1,500.00
7.	Semua Peta ECER	100.00
8.	Semua Peta Geologi	100.00
9.	Semua Peta Hidrogeologi	100.00
10.	Semua Peta Sumber Mineral	100.00
11.	Semua Peta Seismic Hazard	100.00
12.	Peta Seismo Tektonik	100.00
13.	Peta Geologi Kuarterneri	100.00
<b>Nota:</b> Harga jualan peta merujuk kepada peta yang bersaiz AO/A1		

7. Penurunan, Penepian atau Pemulangan Bayaran

Seksyen 4 di bawah Peraturan-Peraturan Penyiasatan Kajibumi (Bayaran) 1997, [P.U.(A) 328] menyatakan bahawa Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicaranya sama ada secara am atau dalam mana-mana hal atau kelas hal tertentu, menurunkan, mengetepikan atau memulangkan kesemua atau sebahagian daripada mana-mana bayaran yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan ini. Oleh yang demikian, mana-mana permohonan untuk mendapatkan bahan penerbitan jabatan secara percuma atau dengan kadar yang dikurangkan perlu mendapat **kebenaran dan kelulusan Ketua Pengarah** terlebih dahulu.


**PEMAKAIAN**

8. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Peraturan-Peraturan Penyiasatan Kajibumi (Bayaran) 1997 [P.U.(A) 328].

9. Pengarah-Pengarah Bahagian, Cawangan dan JMG Negeri adalah bertanggungjawab memastikan bahawa peruntukan-peruntukan dalam Surat Pekeliling ini difahami dan dipatuhi.

**TARIKH KUAT KUASA**

10. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

  
(DATUK SHAHAR EFFENDI BIN ABDULLAH AZIZI)

Ketua Pengarah Mineral dan Geosains Malaysia

Tarikh : 11/8/2020